

■ Anak FELDA kenang kepayahan ibu bapa untuk raih kecemerlangan

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hme-tro.com.my
Serdang

“J ika pelajar lain belajar tiga jam, saya perlu gandakan usaha untuk berjaya dengan memikirkan kepayahan yang ibu bapa lalui sebagai peneroka FELDA,” kata Nurshafira Khairudin, 23, selepas bergelar graduan Sains (Kepujian) pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-38 di kampus induk universiti itu, di sini, semalam.

Dia antara tujuh anak peneroka FELDA yang bergelar graduan pada sesi kelima di majlis konvokesyen berkenaan dan pengurniaan di sempurnakan Pro Cancellor UPM yang juga Presiden Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) Tan Sri Rozali Ismail.

Anak bongsu daripada li-

FAKTA
Nurshafira antara tujuh anak peneroka FELDA bergelar graduan pada majlis konvokesyen

ROZALI (tengah) bersama graduan anak peneroka FELDA dan ibu bapa masing-masing.

Pacu usaha berganda

ma beradik itu berkata, latar belakangnya sebagai anak FELDA mendorongnya untuk berusaha lebih gigih lagi untuk mencapai kejayaan bagi membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka juga boleh berjaya.

“Ketika di matrikulasi, agak sukar untuk pelajar lain menerima saya memandangkan sukar bagi pelajar sekolah harian biasa untuk masuk ke matrikulasi.

“Disebabkan itu, ada yang memandang rendah terhadap keupayaan saya tambahan pula saya hanya sekolah di kampung. Ia menyebabkan semangat saya lebih kental untuk melalui tempoh pengajian dan mencapai cita-cita sebagai seorang pensyarah.

“Dari segi keperluan seperti kewangan juga agak terhad lalu mendorong saya untuk terus mencapai ke-

jayaan,” kata bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pepatih, Gemas, Negeri Sembilan itu.

Pada majlis sama semalam, seramai 14 lagi anak peneroka FELDA daripada 6,116 graduan menerima ijazah masing-masing di majlis empat hari bermula Sabtu lalu.

Manakala seorang lagi graduan, Mohd Halim Jamhari, 28, graduan Seni Bina berkadu, dia tekad untuk

bergelar arkitek biarpun pada mulanya merasakan jurusan yang dipilihnya agak mencabar.

“Ini sebenarnya bahagian kedua pengajian bagi melayakkan saya bergelar seorang arkitek. Apa yang penting, saya berasa gembira kerana dapat membuatkan ibu bapa berasa bangga dan meningkatkan kehidupan keluarga selepas ini,” katanya.

